

Perkenal hukuman berat elak manipulasi cukai

KUALA LUMPUR 9 April - Kerajaan perlu memperkukuhkan undang-undang sedia ada berhubung pembayaran cukai termasuk mengenakan hukuman lebih berat serta meningkatkan pengetahuan dalam bidang forensik akaun bagi membendung mana-mana pihak daripada memanipulasi pembayaran cukai sehingga menyebabkan negara menanggung kerugian besar.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, tindakan sesetengah syarikat gergasi menipu dalam pengiraan cukai disebabkan tadbir urus korporat yang lemah selain matlamat untuk memaksimumkan keuntungan tanpa memikirkan kepentingan lain terutama kerajaan amat dikesali.

"Jika perkara ini tidak dibendung dengan segera, kerajaan akan mengalami kerugian beratus juta ringgit yang kesannya sudah tentu akan membantutkan pembangunan negara untuk kesejahteraan rakyat.

"Oleh itu, kerajaan perlu melaksanakan beberapa tindakan tegas seperti memperkukuhkan akta dan undang-undang berkaitan yang membawa hukuman penjara kepada pengarah-pengarah syarikat bersalah dan tidak hanya mengenakan denda semata-mata.

"Sebagai contoh, kerajaan Iceland bertindak mengenakan hukuman penjara ke atas seorang ketua eksekutif bank kerana terlibat dalam manipulasi kewangan dalam krisis kewangan negara tersebut beberapa tahun lepas," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pendedahan *Mingguan Malaysia* berhubung 10 syarikat gergasi termasuk milik dua tokoh bergelar Tan Sri mengelak cukai melampau.

Ahmed Razman berkata, beberapa langkah yang diambil kerajaan dalam memperkukuhkan Kod Tadbir Urus Korporat 2016 patut dipuji selain penambahbaikan Akta Syarikat 2016.

Dalam pada itu, Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam, Majlis Profesor Negara (MPN), **Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood** berpendapat, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mempunyai kemahiran dan pemantauan dari segi peraturan dan undang-undang yang cukup baik dalam memastikan pembayar cukai tidak melarikan diri daripada membayar cukai.

"Terdapat perbezaan antara mengelak atau lari daripada membayar cukai dan memanipulasi cukai untuk mengurangkan dan tidak membayar cukai. Tindakan pertama sudah pasti menyaksikan hukuman penjara menanti pesalah tersebut.

"Manipulasi cukai bagi mengurangkan atau mengelak membayar cukai sudah lama berlaku dan tindakan undang-undang perlu diambil berdasarkan tahap keseriusan kes tersebut. Mungkin pegawai dan kakitangan LHDN perlu menambah pengalaman dalam bidang forensik akaun untuk memudahkan mereka mengenal pasti sesuatu yang luar biasa atau pelik dalam sesuatu kes itu," katanya.

Beliau melahirkan keyakinan agensi berkenaan akan dapat menyelesaikan kes manipulasi cukai dengan segera berdasarkan kepakaran yang mereka miliki sekarang.

"Mungkin dengan menjadikan contoh sesebuah syarikat atau pengarahnya dikenakan hukuman berat akan menyebabkan orang lain tidak berani membuat perkara yang sama," ujarnya.



AHMED RAZMAN